

LAPORAN
CADANGAN REKABENTUK DALAMAN
GALERI ALAT MUZIK TRADISIONAL MELAYU
DI LOT 231 JALAN AMPANG,
50566 BUKIT NANAS, KUALA LUMPUR.

Disediakan oleh:
NOOR FAZILAH BINTI MAHMAD RIDWAN
2003126303

JABATAN SENIBINA DALAMAN
FAKULTI SENIBINA, PERANCANGAN DAN UKUR
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (UITM)
KAMPUS SERI ISKANDAR

APRIL 2007

PENGHARGAAN

Assalamualaikum w.b.t, bersyukur saya ke hadrat Ilahi kerana dengan segala limpah kurnia-Nya maka dapatlah saya menyiapkan laporan bagi subjek THE 386 berdasarkan projek akhir saya iaitu Galeri Alat Muzik Melayu. Walaupun menghadapi pelbagai kesukaran dalam mendapatkan tapak bagi projek ini pada awalnya, namun Alhamdulillah dengan izin-Nya segala masalah tersebut dapat diatasi.

Pertama sekali saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua pensyarah kerana tidak putus-putus memberi galakan serta sokongan agar saya lebih bekerja keras untuk menjayakan projek ini, tidak lupa juga kepada keluarga dan rakan taulan kerana kesudian mereka dalam membantu saya untuk menyudahkan tugas menulis laporan ini, juga penghargaan kepada mereka yang terlibat secara langsung atau tidak dalam menjayakan laporan untuk projek akhir saya.

Dikesempatan ini juga saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih diatas bimbingan dan tunjuk ajar yang telah diberikan oleh penyelia saya sepanjang menyiapkan laporan ini iaitu Encik Ahmad Marzuki bin Monir, Kepada koordinator subjek THE 386 ; Cik Mawar binti Masri, Ketua Program Rekabentuk Dalaman, UiTM Sri Iskandar, iaitu P.M Rusni Ghani @ Abdul Rani dan tidak lupa juga kepada semua pensyarah-pensyarah Rekabentuk Dalaman, UiTM Seri Iskandar terutamanya pensyarah-pensyarah semester enam iaitu Puan Siti Rohamini binti Yusoff, Encik Azizul Azli bin Ahmad, Encik Mohd Faizal bin Abdul Rani dan Puan Azizah binti Md Ajis selaku koordinator.

Akhir kata saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung di atas kesediaan anda membantu saya dalam menyempurnakan tugas laporan untuk projek akhir ini.

ABSTRAK

Projek akhir ini merupakan cadangan rekabentuk dalaman sebuah Galeri Alat Muzik Tradisional Melayu yang terletak di Lot 231, Jalan Ampang, Bukit Nanas, Kuala Lumpur. Tujuan penubuhan galeri ini adalah untuk memperkenalkan kepada umum tentang kehalusan seni dan budaya yang terdapat di Malaysia. Seperti yang diketahui Malaysia merupakan sebuah negara yang terdiri daripada berbilang kaum dan bangsa di mana setiap satunya telah menyumbangkan kehalusan seni yang tersendiri. Tujuan utama projek ini dicadangkan adalah untuk memberi pendedahan kepada generasi baru kita tentang budaya dan kesenian yang kaya di negara kita pada suatu ketika dahulu di mana ia semakin dilupakan oleh generasi kita pada hari ini. Di samping itu ia juga bertujuan untuk mengkaji sejauh mana kaitan muzik di Malaysia dengan kehidupan dan budaya masyarakatnya termasuklah dalam bidang seni bina. Ia juga bertujuan untuk mengkaji tentang keperluan-keperluan ruang yang terdapat di dalam sesebuah galeri. Justeru itu satu perancangan telah dibuat sebelum merekabentuk setiap ruang yang telah dicadangkan. Beberapa aspek penting telah diambil kira bagi memastikan ruang yang dicadangkan mempunyai kepentingan dan dapat memenuhi keperluan pengunjung. Keselesaan pengunjung amat penting supaya mereka tidak berasa bosan semasa mengunjungi galeri ini. Selain itu penubuhan galeri ini juga adalah untuk menghasilkan satu rekabentuk baru bagi sebuah galeri. Diharapkan dengan penubuhan galeri ini akan dapat memberi manfaat kepada bukan sahaja masyarakat di sini tetapi juga pengunjung asing yang meminati seni, budaya dan muzik yang terdapat di Malaysia.

JUDUL

PENGAKUAN PENYERAHAN LAPORAN

PENGHARGAAN

ABSTRAK

ISI KANDUNGAN

SENARAI RAJAH

SENARAI GAMBAR

i

ii

iii

vi

ix

ISI KANDUNGAN

MUKA SURAT

BAB 1 PENGENALAN KAJIAN

1.0 Pengenalan Projek

1

1.1 Isu dan Masalah

2

1.2 Skop Kajian

3

1.3 Objektif kajian

5

1.4 Matlamat Kajian

5

1.5 Metodologi

6

BAB 2 LATARBELAKANG PELANGGAN

2.1	Pendahuluan	8
2.2	Latarbelakang pelanggan	8
2.3	Sejarah Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan Malaysia	9
2.4	Peranan Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan Malaysia	9
2.5	Carta Organisasi	9

BAB 3 KAJIAN KES

3.1	Pendahuluan	12
3.2	Kajian 1: Galeri Masyarakat Orang Asli	12
3.2.1	Waktu Operasi	12
3.2.2	Fasad	13
3.2.3	Perancangan Ruang	14
3.2.4	Barang dan Ruang Pameran	14
3.2.5	Kemasan	16
3.2.6	Kebaikan	17
3.2.7	Kelemahan	17
3.3	Kajian 2 : Dewan Pameran Perabot Wariseni	18
3.3.1	Waktu Operasi	18